

Seminar Antarabangsa  
Bilik Majlis (UKM)  
8:00 pagi, 1 November 2007

## Pemetaan Ilmu di Alam Melayu: Memperkenalkan Nusantara Timur

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), dengan kerjasama Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, berbangga mengadakan Seminar **Pemetaan Ilmu di Alam Melayu: Memperkenalkan Nusantara Timur**. Seramai dua belas sarjana Indonesia dari universiti dan institut penyelidikan di Sulawesi, Maluku dan Papua, serta seorang pakar yang didatangkan dari Jepun, akan bertukar-tukar wawasan, analisis dan cita-cita dengan sarjana UKM, khususnya dalam bidang bahasa, sastera dan bioteknologi. Diduga pertukaran maklumat dan pandangan ini akan menjanakan penyelidikan yang lebih mendalam tentang kedudukan bahasa, budaya dan teknologi Melayu di wilayah yang luas dan kurang dikenal di Indonesia Timur.

Peserta yang sudi hadir tidak akan dikenakan bayaran atau yuran. Bahkan, kedatangan peminat bahasa, budaya dan teknologi Alam Melayu dialu-alukan. Jadual Seminar ini boleh didapati di Pejabat Am ATMA, 8921-5280; dan melalui laman sesawang <http://ewarga@ukm.my/ewarga/>

